

04/06/2002

Kaum lain diminta adil beri peluang kerja swasta kepada Bumiputera

KUALA LUMPUR, Isnin - Keputusan Kabinet memberi peluang kepada pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dapat mempercepatkan proses integrasi kaum melalui interaksi antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Bagaimanapun, pelaksanaan dasar terbuka melalui kuota 10 peratus kepada kaum lain itu hendaklah dituruti kaum lain dengan membuka peluang yang sama kepada orang Melayu dari segi peluang kerjaya di sektor swasta.

Ahli Majlis Tertinggi Umno (MT) yang juga ahli Jawatankuasa Majlis Perundangan Ekonomi Negara (Mapen II), Dr Noraesah Ahmad, berkata tidak rasional jika keputusan membuka MRSM kepada kaum lain dibuat hanya kerana mahu mewujudkan daya saing pelajar Melayu kerana mereka yang diterima masuk ke MRSM sememangnya cemerlang.

"Melalui keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pelajar MRSM, jelas pelajar ini sememangnya cemerlang dalam akademik jadi soal mewujudkan daya saing memang tidak wajar.

"Jika keputusan itu dibuat bagi tujuan integrasi kaum, alasan itu sememangnya boleh diterima," katanya ketika menghubungi Berita Harian, di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, Kabinet akan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada bukan Bumiputera bagi mengikuti Kursus Matrikulasi dan MRSM.

Dr Mahathir berkata, kerajaan membuka program itu kepada pelajar bukan Bumiputera bertujuan mendedahkan pelajar Bumiputera kepada keadaan hidup sebenar dalam masyarakat pelbagai kaum.

Pada pertemuannya dengan Exco Pergerakan Pemuda Umno, Jumaat lalu, beliau berkata, pelajar Bumiputera tidak boleh terus mengharap hak keistimewaan orang Melayu dalam bidang pendidikan, sebaliknya menerima hakikat mereka perlu bersaing.

Sebelum itu Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu mendakwa pemilihan pelajar ke IPTA berasaskan sistem merit memberi kelebihan kepada pelajar Bumiputera hingga menyebabkan kemerosotan peratusan kemasukan jumlah pelajar bukan Bumiputera, terutama pelajar India.

Noraesah yang Pengerusi Exco Ekonomi Pergerakan Wanita Umno berkata, kerajaan perlu kajian teliti keputusan membuka program Kursus Matrikulasi dan MRSM kepada kaum lain dengan meletakkan syarat lebih ketat dari segi kemasukannya.

"Mereka yang layak masuk mesti pelajar Cina dan India dari sekolah jenis kebangsaan yang selama ini tidak berpeluang mendekatkan diri dengan masyarakat Melayu.

"Pelajar kaum lain yang dipilih mesti diberi keutamaan dari mereka yang datang dari kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan pembelajaran mencukupi," katanya.

Beliau berkata, perlu ada toleransi antara kaum, yang jika dilihat secara objektif, realiti kebanyakan majikan kaum lain terutama di sektor swasta mengamalkan dasar tertutup terhadap orang Melayu.

"Apa yang jelas dalam iklan tawaran kerja di akhbar kebanyakan majikan di kebanyakan syarikat swasta seolah-olah membuat satu dasar dengan meletakkan pelbagai syarat seperti hanya mereka yang mahir bahasa Mandarin serta dialek Tionghua diberi keutamaan menjawat jawatan di syarikat mereka," katanya.

(END)

